



## Firefly diminta luaskan penerbangan Melaka-Batam

**BATAM** - Kerajaan Melaka akan meminta syarikat penerbangan Firefly mengadakan penerbangan terus dari Lapangan Terbang Batu Berendam (LTBB), Melaka ke Lapangan Terbang Antarabangsa Hang Nadim di sini.

Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Mohd. Ali Rustam berkata, perkhidmatan itu penting bagi mengeratkan lagi hubungan penduduk Melaka dan Batam serta menggalakkan sektor pelancongan.

"Ramai penduduk di selatan kepulauan Riau termasuk di Pulau Batam ingin ke Melaka terutama untuk mendapatkan rawatan perubatan di bawah program pelancongan kesihatan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Pusat Gedung Asrama Quran di sini semalam.

Menurut Mohd. Ali, setakat ini perkhidmatan penerbangan sedia ada adalah dari LTBB ke Pekan Baru, Indonesia manakala perjalanan ke Batam pula perlu melalui perkhidmatan feri dari Stulang Laut, Johor ke Batam yang mengambil masa dua jam.

"Kalau menaiki feri dari Batam ke Johor Baharu (Stulang Laut) mengambil masa dua jam dan tambahan dua jam setengah lagi untuk ke Melaka (melalui Lebuh Raya Utara-Selatan) tetapi kalau menaiki kapal terbang dari Batam ke Melaka cuma 45 minit sahaja," katanya.

Katanya, mulai 1 September ini, syarikat penerbangan Firefly akan beroperasi dari LTBB ke Singapura dan berharap syarikat itu dapat menambah laluan terus dari LTBB ke Batam. Bernama